

28/03/1997

Hun Sen hantar surat minta maaf

PHNOM PENH, Khamis - Perdana Menteri Kedua Kemboja, Hun Sen, mengutus surat meminta maaf kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas beberapa masalah dalaman negaranya hingga menyebabkan firma Malaysia, Ariston Bhd, menjadi `mangsa'.

Dalam suratnya itu, Hun Sen membayangkan satu dialog boleh diadakan dengan Perdana Menteri Pertama, Putera Norodom Ranariddh.

Bulan lalu, Ranariddh mengisytiharkan beberapa aspek daripada projek pembangunan Ariston bernilai AS\$1.3 bilion (RM3.25 bilion) `tidak sah' atas sebab politik.

"Saya mesti mengaku bahawa kerajaan menghadapi beberapa masalah dalaman yang menyebabkan Ariston menjadi mangsa," menurut surat Hun Sen bertarikh 17 Mac dan dilihat hari ini.

"Saya tentu terhutang budi jika anda dapat menghubungi Putera Ranariddh untuk mengadakan dialog.

"Saya akan segera memberi maklum balas atas sebarang permintaan menemui beliau pada bila-bila masa bagi membincangkan keadaan politik ketika ini yang saya mahu maklumkan kepada anda dan rakan Kabinet anda," kata Hun Sen.

Ranariddh berkata, beberapa bahagian daripada projek infrastruktur, kasino dan pusat peranginan besar Ariston di bandar pelabuhan Sihanoukville tidak sah kerana tidak ditandatangani pegawai parti Funcinpec pimpinannya.

Ranariddh tidak puas hati kerana hanya pegawai Parti Rakyat Kemboja (CPP) yang membentuk kerajaan campuran Kemboja bersama Funcinpec, menandatangani dokumen perjanjian projek itu.

Ketegangan antara dua parti itu meningkat sejak beberapa bulan lalu menjelang pilihan raya selanjutnya.

Dalam suratnya, Hun Sen berkata, Ranariddh tidak berhak memutuskan sesuatu secara sendirian tanpa melalui prosedur undang-undang tertentu.

Beliau menekankan, pegawai CPP yang menandatangani perjanjian dibenarkan berbuat demikian bagi pihak kerajaan yang masih `memperakui kesahihan langkah mereka.'

Hun Sen berkata, pegawai Funcinpec berulang kali diingatkan supaya menyertai majlis memberi kebenaran dengan menandatangani perjanjian serta membayangkan anggota parti pimpinan Ranariddh itu tidak hadir bagi tujuan itu. - AFP

(END)